

02/02/2001

Panduan untuk pelajar menuntut di United Kingdom

iewed by Nur Abdullah

Judul: Dari Malaysia Hall London: Sebuah Memoir

Penulis: Abu Hassan Adam

Tebal: 60 halaman

Penerbit: Premier Line Sdn Berhad

BUKU ini sebuah hasil karya seorang penulis yang pernah menghasilkan beberapa buku dan rencana yang sekali gus sebagai Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di London antara tahun 1995 hingga 1998. Penulis pernah menghasilkan beberapa buku lain antaranya Malaysia Pimpinan Mahathir (1984), Menghala Wawasan 2020 (1990) dan Menebus Maruah (1994).

Buku ini adalah sebuah memoir, satu catatan kenangan penulis ketika menjadi Pengarah atau sebagai "bapa" kepada pelajar Malaysia yang menuntut di United Kingdom dan Eire. Segala kegiatan pelajar dihidangkan dalam bentuk rencana dan gambar yang amat menarik yang memungkinkan menjadi dorongan dan rangsangan kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di luar negara.

Tidak ketinggalan buku ini memuatkan saranan dan amanat pemimpin negara seperti amanat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang pernah berkunjung ke Malaysia Hall satu ketika dulu untuk menyampaikan amanatnya kepada pelajar Malaysia di sana. Ini terakam dalam sebuah rencana berjudul, Pelajar Malaysia di United Kingdom: Mengorak Langkah Meneroka Dunia.

Pembaca atau pelajar yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai kehidupan pelajar Malaysia di United Kingdom dapat memanfaatkan bab-bab seperti: Universiti Oxford Melambai Pelajar Malaysia, Pelajar Malaysia diIngatkan tentang Kriteria Pemimpin Kurun ke-21, Operasi Hijrah, Kebudayaan Malaysia Tawan Peminat di Cardiff dan Pelajar Malaysia di Great Britain: Mengangkat Martabat Bangsa di Rantau Orang.

Dengan gambar yang berwarna-warni pasti buku bersaiz besar ini dapat memikat hati pembaca. Gambar itu sendiri dapat memberikan pelbagai gambaran dan menyampaikan seribu makna kepada pembaca terutama pelajar yang bersama-sama bergelumang dalam arus kehidupan ketika belajar di UK dulu.

Justeru, sebagaimana yang dituliskan oleh penulisnya bahawa Ybuku ini khusus ditujukan kepada pelajar Malaysia yang menuntut di United Kingdom dan Eire yang sentiasa bersama penulis mengharung badai dan dilambung ombak sama ada di Bryanston Square, Birmingham, Manchester, Dublin, Cardiff atau pun Glasgow.

Yang paling penting mengikut kata penulis ialah, "Buku ini boleh dijadikan rangsangan kepada anak-anak yang masih di bangku sekolah untuk mengetahui serba sedikit mengenai kehidupan pelajar dan kegiatan mereka ketika berada di luar negara. Pengetahuan mengenai belajar di Great Britain akan mendorong kepada anda untuk terus belajar dan mendapat keputusan cemerlang yang akhirnya akan mengikut jejak langkah kakak dan abang yang telah pulang ke tanah air dengan jayanya.

(END)